

16 SEP 1999

Iklan

TENDER TERBUKA BAGI HAK PENGIKLANAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Syarikat pengiklanan tidak lama lagi akan berpeluang untuk mendapatkan hak pengiklanan di semua lebuhraya melalui tender terbuka, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Pada masa itu, mereka boleh mendapatkan hak pengiklanan secara sistem tender terbuka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Kemahiran Kebangsaan Ke-10 di kem tentera Sungai Buloh dekat sini hari ini.

Samy Vellu mengulas kenyataan Persatuan Pengiklan-pengiklan Luar Malaysia (OAAM) yang dilaporkan akan meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan berhubung pertelingkahan mengenai hak pengiklanan di Lebuhraya Persekutuan 2.

Presidennya, Shah De Bunt mendakwa semalam bahawa persatuan itu kesal dengan tindakan kementerian berkenaan memberikan hak pelesenan pengiklanan di lebuhraya terbabit secara mutlak kepada satu syarikat sahaja.

Samy Vellu berkata pemilihan syarikat melalui sistem tender terbuka itu akan berasaskan beberapa faktor.

"Jikalau kita dapati cadangan mereka lebih baik, lebih bermanfaat kepada kerajaan, kita akan terima cadangan mereka," katanya.

Berkaitan dengan dakwaan OAAM, Samy Vellu berkata kerajaan melakukan sesuatu itu untuk kebaikan rakyat.

Beliau berkata kerajaan dapat menjimatkan banyak wang untuk kerja-kerja menyenggara lebuhraya berikutan tawaran hak pengiklanan di Lebuhraya Persekutuan 2 tersebut.

--BERNAMA

ES RI